

Sungai Siput: Seorang kanak-kanak perempuan antara empat yang cedera dalam nahas yang turut mengakibatkan seorang wanita maut di Jalan Ipoh-Kuala Kangsar berhampiran sebuah kilang simen di Kanchan di sini, malam kelmarin.

Jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perak berkata, nahas mengakibatkan Proton Satria dinaiki mereka terbabas lalu terbalik menyebabkan semua terperangkap.

Katanya, panggilan berhubung insiden diterima jam 8.08 malam dengan anggota Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Sungai Siput digerakkan ke lokasi bagi operasi menyelamatkan.

Wanita maut kereta terbalik



ANGGOTA bomba mengeluarkan mangsa terperangkap dalam kenderaan yang terbabit kemalangan di Jalan Ipoh-Kuala Kangsar.

“Nahas mengakibatkan seorang wanita maut di tempat kejadian, manakala empat lagi iaitu tiga lelaki dewasa serta seorang ka-

nak-kanak perempuan cedera dalam kenderaan terbalik itu.
“Anggota mengeluarkan mangsa terperangkap dan

dihantar ke hospital untuk rawatan manakala mayat diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut,” katanya dalam kenyataan.